



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	GOVT SEEKS SOLUTION FOR HIGH PESTICIDE, FERTILISER PRICES, HOME, BORNEO POST (KK) -1 & 2 VEGETABLES PRICE WILL BE STABILISED BY END OF THE YEAR, NATION, CHINA PRESS -A3 PRICE OF IMPORTED VEGETABLE WOULD BE STABILISE YEAR-END, NATION, SIN CHEW DAILY -8 DEPUTY MINISTER: PRICE OF VEGETABLES TO STABILIZE BY YEAR END, NEWS, GUANG MING DAILY -A3 HARGA BAJA, RACUN NAIK, KERAJAAN BERUSAHA CARI PENYELESAIAN TERBAIK, ASTRO AWANI -ONLINE HARGA SAYUR DIJANGKA STABIL Hujung TAHUN, BH -ONLINE BANJIR, KEMARAU MUSNAH LEBIH 50,000 HEKTAR KAWASAN PADI, NASIONAL, HAKAH -6 KPDNHEP BINCANG RANGKA MEKANISME STABIL HARGA, NASIONAL, BH -8 HARGA SAYUR DIJAMIN KEMBALI STABIL, NASIONAL, BH -6 RAKYAT DISARAN MAKAN SAYUR TEMPATAN, NEGARA, KOSMO -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
11. 12. 13.	ANCAMAN SELSEMA BURUNG, MUKA DEPAN, KOSMO -1 AYAM HIDUP SIAM BOLEH BAWA PENYAKIT, NEGARA, KOSMO -2 KELANTAN AMBIL SERIUS ISU SELUDUP AYAM DARI THAILAND, NEGARA, KOSMO -2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
14. 15. 16.	MARDI KOMERSIALKAN 57 DARIPADA 338 TEKNOLOGI KEPADA 40 SYARIKAT, BH -ONLINE MARDI PERKENAL 23 TEKNOLOGI MAKANAN, BH -ONLINE MARDI KOMERSIAL 57 TEKNOLOGI PADA RMK-11, NASIONAL, BH -16	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
17. 18.	50 NELAYAN PANTAI KE LAUT TANPA LESEN, DALAM NEGERI, UM -29 '10 TAHUN KAMI BERGADAI NYAWA DI LAUT', NEGARA, KOSMO -17	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31.	AGRICULTURE NEEDS MORE THAN TECH AS A SOLUTION, DIGITAL EDGE, THE EDGE -ONLINE MORE YOUNG AGROPRENEURS NEEDED AS AGRICULTURE INDUSTRY EVOLVES, NEWS, THE STAR -8 PEMILIK TERNAKAN BERKELIARAN PERLU DIKENAKAN TINDAKAN KERAS, NASIONAL, HAKAH -24 NEGARA BERISIKO BERDEPAN KRISIS SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BH -8 KERJASAMA SEMUA PIHAK ATASI KENAIKAN HARGA BARANG, KOMENTAR, BH -11 'HASIL JUALAN SEKADAR TAMPUNG KOS BENIH, BAJA', NASIONAL, BH -8 TANGANI ISU KENAIKAN HARGA BARANG SECARA KOLEKTIF, NASIONAL, SH -11 'JANGAN RISAU, INSYAALLAH PKPS ADA', CETUSAN, SH -17 PERTANIAN BANTU B40 JANA PENDAPATAN, K2, KOSMO -29 ISU HARGA BARANG YANG TAK BERKESUDAHAN, SUARA SINAR, SH -16 KELADI BIKIN AKU TAK TIDUR MALAM, LOKAL, HM -2 KUMPUL LEBIH 400 SPESIES KELADI, LOKAL, HM -3 KENAL PASTI ALTERNATIF, BISNES, HM -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Headline	Govt seeks solution for high pesticide, fertiliser prices		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	29 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1,2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	164 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 457
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,372



Govt seeks solution for high pesticide, fertiliser prices

BELURAN: The government, especially the Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) is working to find the best solution to help farmers and livestock breeders who are affected by the rising costs of fertilisers and pesticides, said minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

As an early response, he said, the government allocated RM232 million (towards this end), including raising the farmers' pesticide aid subsidy from RM200 to RM300 a hectare per season.

This, of course, doesn't solve the issue of rising prices for pesticides and fertilisers. So, the government is trying to take steps to alleviate the burden of

our agricultural entrepreneurs. "What we are facing now is a challenging situation as prices have gone up for components of fertilisers and pesticides as well as components of animal feed. This is a global issue caused by disruptions to production of these materials at the international level," he told reporters after launching the Ceria Ke Sekolah (CKS) programme by the Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB), here, on Sunday.

Ronald acknowledged that the rising costs of these materials are in turn affecting the prices of vegetables in the market.

» Turn to Page 2, Col 1

Headline	Govt seeks solution for high pesticide, fertiliser prices		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	29 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1,2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	164 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 457
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,372

200 students in Beluran selected to receive aid under CSR programme

» From Page 1

On Nov 25, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced the provision of the initial response and also directed Mafi, the Finance Ministry as well as the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to formulate mitigation steps to address this issue.

Concerning the SESB programme, Ronald praised

corporate companies for stepping forward to provide assistance to the rural community, especially those affected by the Covid-19 pandemic.

"Although the government has, through various programmes, channelled aid to the people during this pandemic period, private companies and government-linked companies can also join the government's efforts as there are still many

in need, especially in the rural areas," he said.

Meanwhile, SESB senior general manager (Asset Management) Ir Idris Mohd Noor said the corporate social responsibility (CSR) programme shows SESB's concern for people in need, especially in the face of a pandemic.

Through the CSR programme, he said, a total of 200 students in Beluran were selected to

receive aid in the form of school bags, books and stationery, dictionaries as well as pocket money of RM50 each.

"We have also helped the education sector by taking on several foster schools. In Sabah this year, there are four or five foster schools that have been given one-off assistance of RM34,000 to provide a more conducive learning environment," he added. — Bernama

Headline	Vegetable price will be stabilised by end of the year		
MediaTitle	China Press		
Date	29 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,720
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,161



農業部保證 年底前穩定菜價

【马六甲28日讯】农业及食品工业部保证，蔬菜价格，尤其是进口蔬菜将在今年年底前恢复稳定。

该部副部长拿督斯里阿末韩查指出，即使蔬菜价格上涨，但农业及食品工业部没有发现进口蔬菜或本地蔬菜供应短缺。

“价格上涨由几个因素造成，但此情况在当局控制之下，而且我们去年10月开始发现到涨势，并预计价格在今年年底前稳定下来。”

他透露，国内有些地方的蔬菜价确实上涨，但总体而言，涨幅已逐渐得到控制，尤其是

进口的西兰花和圆白菜等。

阿末韩查今日出席在甲州举行的马来西亚农业研究与发展局活动后的记者会，这么说。在场的有农业及食品工业部秘书长拿督哈斯丽娜、该局总监拿督莫哈末查巴威等。

與貿消部密切合作

他指出，农业及食品工业部与贸消部密切合作，包括监控价格和讨论相关事项，确保价格得到控制和蔬菜供应充足。

他建议消费者选购本地蔬菜，而不是进口蔬菜，这是该部目前的主要目标之一，而且可以促进购买本地产品的发展。



■阿末韩查（右2）出席马来西亚农业研究与发展局的活动。

（图《今日马六甲》）

Headline	Price of imported vegetable would be stabilised year-end		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	29 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	8	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	94 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,831
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,493



副農長：漲價因素查明 進口菜價格年杪回穩

【马六甲28日讯】农业及食品工业部（MAFI）保证，进口蔬菜价格将在年杪回稳。

农业及食品工业部副部长拿督斯里阿米诺查表示，蔬菜涨价是多个因素造成，不过目前当局已经找到了涨价的因素，情况已经得到控制，相信到了年末，价格可以回稳。

他说，蔬菜价格上涨从今年10月份开始，不过，无论是进口或本地蔬菜，都没有缺乏的现象。

他指出，该部发现，本地有一半的市场上所出售的进口蔬菜，有涨价的迹象，比如西兰花以及包菜。

他是今日出席2021年



阿米诺查（右二）推介2021年大马农业研究与发展局展览，鼓励大家支持本地商家，多吃本地蔬菜。（取自《今日马六甲》）

大马农业研究与发展局（MARDI）展览后，在新闻发布会上如是指出。农业及食品工业部秘书长拿督哈斯丽娜以及农研局总监拿督莫哈末查害威也一同出席。

阿米诺查指出，该

部目前也与贸消部有紧密的联系，并且一同监督蔬菜市场的价格，并且与贸消部共同商讨统制价格，确保蔬菜供应是够。

他同时呼吁人民多吃本地蔬菜。

Headline	Deputy minister : Price of vegetables to stabilize by year end		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	29 Nov 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A3	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	97 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,470
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,409



副農長：找到調漲原因管控 菜價年杪會回穩

（马六甲28日讯）农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩查表示，蔬菜涨价是多个因素造成，目前当局已找到涨价原因，情况已经受到控制，相信到了年杪，价格可以回稳。

据《今日马六甲》报导，阿末韩查表示，蔬菜价格上涨是从今年10月开始，不过，无论是进口或本地蔬菜，都没有短缺的现象。

“我们发现，本地一半的进口蔬菜有涨价的迹象，比如西兰花及包菜。”

他是今日出席2021年大马农业研究与发展局（MARDI）展览后，在记者会上如是指出。

农业及食品工业部总秘书拿督哈斯丽娜以及农研局总监拿督莫哈末查峇威也一同出席。

阿末韩查指出，该部目前也与贸消部有紧密的联系，一同监督蔬菜市场的价格，并且与贸消部共同商讨统制价格，确保蔬菜供应足够。（BPK）

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Harga baja, racun naik, kerajaan berusaha cari penyelesaian terbaik



MAFI berusaha mencari penyelesaian terbaik bagi membantu peladang dan petani yang terjejas dengan kenaikan harga baja dan racun. - Gambar hiasan/BERNAMA

BELURAN: Kerajaan, khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), berusaha mencari penyelesaian terbaik bagi membantu peladang dan petani yang terjejas dengan kenaikan harga baja dan racun, kata menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee.

Katanya, sebagai respons awal, kerajaan telah memperuntukkan RM232 juta, termasuk menaikkan bantuan subsidi racun untuk pesawah daripada RM200 kepada RM300 sehektar untuk semusim.

"Tentu sekali ini tidak menyelesaikan isu kenaikan harga racun dan juga baja. Jadi, kerajaan berusaha untuk mengambil langkah meringankan beban pengusaha pertanian kita.

Apa yang kita hadapi sekarang suasana begitu mencabar kerana kenaikan harga komponen baja dan racun serta komponen makanan ternakan haiwan yang juga dihadapi oleh masyarakat dunia disebabkan oleh gangguan dalam pengeluaran bahan-bahan ini di peringkat antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Ceria Ke Sekolah (CKS) Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) di sini hari ini.

Ronald mengakui peningkatan kos bahan-bahan berkenaan juga telah mempengaruhi harga sayuran di pasaran.

Pada Khamis (25 Nov) lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan peruntukan respons awal itu dan juga telah mengarahkan MAFI, Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk merangka dan memformulasi langkah-langkah mitigasi untuk menangani isu berkenaan.

Mengenai program SESB itu, Ronald memuji syarikat korporat tampil menghulurkan bantuan kepada masyarakat luar bandar, khususnya mereka yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

"Walaupun kerajaan melalui pelbagai program menyalurkan bantuan untuk rakyat dalam tempoh pandemik ini, tentu sekali syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) boleh turut sama dalam usaha kerajaan ini kerana masih ramai yang memerlukan, khususnya di luar bandar," katanya.

Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) SESB Idris Mohd Noor berkata program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu sebagai tanda prihatin SESB terhadap rakyat yang memerlukan, terutama ketika menghadapi pandemik.

Katanya, menerusi program CKS, seramai 200 murid di Beluran dipilih menerima bantuan berbentuk beg sekolah, buku dan alat tulis, kamus dan wang saku sebanyak RM50 seorang.

"Kami juga ada membantu sektor pendidikan dengan mengambil beberapa sekolah angkat, di mana di Sabah pada tahun ini, ada empat atau lima sekolah angkat yang diberikan bantuan sekali beri sebanyak RM34,000 untuk penyediaan ruang pembelajaran yang lebih kondusif," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Harga sayur dijangka stabil hujung tahun



MAFI memberi jaminan harga sayur, terutama yang diimport akan kembali stabil menjelang hujung tahun ini. - Foto hiasan

MELAKA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan harga sayur, terutama yang diimport akan kembali stabil menjelang hujung tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata kenaikan harga yang berlaku kini disebabkan oleh beberapa faktor, namun ia kini berada dalam kawalan pihak terbabit.

Beliau berkata, MAFI bagaimanapun tidak mengesan berlaku kekurangan bekalan sama ada sayur import mahupun sayur tempatan.

"Kita mengesan kenaikan ini bermula Oktober lalu dan dijangkakan (harga) dapat distabilkan sehingga hujung tahun ini.

"Pada ketika ini kita dapati bahawa ada kenaikan di separuh tempat pemasaran tetapi secara keseluruhannya kenaikan ini sudah dapat dikawal khususnya sayur import seperti brokoli dan kubis bulat," katanya.

Malah disebabkan negara-negara pengeluar menghadapi pelbagai masalah selain daripada aspek penukaran wang asing mendorong terdapat kenaikan, namun tetapi sayur-sayuran daripada tempatan didapati stabil.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Agroinvest MARDI 2021 yang turut dihadiri, Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Sementara itu, Ahmad berkata, dalam menangani situasi ini kementeriannya bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad ketika program Agroinvest MARDI di Bandar Hilir, hari ini. - NSTP/Nazri Abu Bakar

Pada masa sama, katanya, pihaknya juga sentiasa membuat pemantauan harga dan mengadakan perbincangan bersama KPDNHEP dalam memastikan harga terkawal serta bekalan mencukupi.

Beliau berkata, dalam tempoh ini rakyat disarankan memilih sayur tempatan berbanding sayur import kerana ia satu daripada matlamat utama dalam mempromosikan penggunaan barangan tempatan.

Ahmad berkata, apapun, dalam masa perlu menerima hakikat pelbagai perbagai isu dan kekangan terutama cuaca yang tidak menentu terutama hujan, yang tidak menentu dan keadaan musim monsun Timur laut pada ketika ini menyebabkan pengeluaran kita sedikit tergendala.

"Apabila hujan bukan sahaja ia menyebabkan terganggunya penuaian, malah meningkatkan kos pengeluaran kerana pihak pengusaha terpaksa berbelanja lebih terutamanya untuk menambah baik pembajaan, kos penjagaan, ubat-ubatan dan pengedaran sehingga menyebabkan kenaikan harga barang-barang," katanya.

Banjir, kemarau musnah lebih 50,000 hektar kawasan padi

KUALA LUMPUR: Kesan perubahan iklim menyebabkan tanaman padi di kawasan seluas 40,828 hektar musnah akibat banjir dan 9,336 hektar pula rosak akibat kemarau di Semenanjung Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Seri Dr Ronald Kiandee, berkata kerosakan yang berlaku itu bagi tempoh lima tahun antara 2017 sehingga tahun ini:

Menurutnya, perubahan iklim adalah antara lima cabaran utama menjelang 10 tahun akan datang dalam sektor agromakanan yang perlu ditangani bagi memastikan jaminan sekuriti makanan negara.

"Empat cabaran lain ialah kekurangan sumber

Ahmad Tarmizi meminta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan langkahan MAFI menangani perubahan iklim yang sudah pasti memberi kesan kepada industri pertanian negara, termasuk penanaman padi yang menjadi sumber makanan utama negara.

Ronald berkata, beberapa tindakan bagi menangani cabaran perubahan iklim dilaksanakan melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030. (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan DSMN).

Katanya, ini dilakukan dengan mempergiatkan pertanian mampan yang mestsu alam dan berdaya tahan terhadap iklim



Dato' Seri Dr Ronald Kiandee

asli, produktiviti dan inovasi pertanian, perubahan demografi dan perubahan trend pemakanan, serta kehilangan dan pembaziran makanan," katanya menjawab soalan lisan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) di Dewan Rakyat, hari ini.

bagi mengurangkan impak perubahan iklim terhadap sektor agromakanan serta memperluaskan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan pengeluaran makanan dengan kaedah teknologi berasaskan iklim.

"Secara khusus, MAFI mengambil pelbagai langkah bagi menangani kesan perubahan iklim, terutama bagi tanaman padi seperti pembangunan dan penggunaan varieti yang tahan banjir atau tahan kemarau.

"MAFI juga melakukan pembangunan varieti benih padi yang tahan kepada air masin jika berlaku sebarang kesan limpahan air laut ke kawasan penanaman padi," katanya.

Beliau berkata, Peta In-

deks Curahan Hujan Pertanian (ARI) dan Peta Tanah juga digunakan untuk menentukan kesesuaian tanaman di suatu kawasan serta merancang sistem perparitan dan pengairan.

Selain itu, katanya usaha dilakukan untuk meningkatkan kaedah penanaman padi berdasarkan panduan menguruskan

tanaman padi mengikut saranan dan pembinaan lengkapan infrastruktur amalan pengairan sawah secara Penggiliran Basah dan Kering (AWD).

Katanya, MAFI juga memperkenalkan insurans pertanian untuk mengurangkan risiko kerugian melibat bencana akibat perubahan iklim.

KPDNHEP bincang rangka mekanisme stabil harga

Salur bantuan kewangan bagi serap kenaikan kos peringkat pengeluar, pemborong

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memastikan harga barang keperluan asas distabilkan menggunakan mekanisme tertentu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya sudah berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan serta pihak berkepentingan berkaitan kenaikan harga sayur, ayam dan telur.

"Usaha penyaluran bantuan kewangan bagi menyerap peningkatan kos di peringkat pengeluar dan pemborong juga sudah dirangka," katanya dalam kenyataan, semalam.

Media sebelum ini melaporkan seluruh negara menyaksikan peningkatan harga barang keperluan harian, peralatan binaan, input pertanian dan makanan yang memberi kesan kepada pelbagai pihak di peringkat pembekal, kontraktor, peniaga serta pengguna.

Alexander berkata, fokus untuk menstabilkan harga barang



Peniaga Pasar Pagi Ampangan, Seremban, Mila Osman menyusun barang jualan ketika tinjauan kenaikan harga barangan terutama sayur, semalam.

(Foto BERNAMA)

itu dilaksanakan oleh kementeriannya selepas tiga petunjuk prestasi utama (KPI) yang digariskan oleh KPDNHEP sudah melakar pencapaian 100 peratus.

Tiga KPI itu membabitkan isu berkaitan Sarawak iaitu pengecualian menggunakan Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Akta Kawalan Bekalan 1961; menurunkan harga kit ujian pantas (RTK) antigen dan memastikan kemampanan industri francais.

Mengenai penurunan harga kit RTK, Alexander berkata, ini selari dengan langkah membuka lebih banyak sektor ekonomi berteraskan pendekatan yang

selamat dengan menggalakkan saringan secara sendiri.

"Beberapa langkah strategik, termasuk memperluas penjualan kit RTK antigen kepada rangkaian premis peruncitan dan penetapan harga siling sudah dilaksanakan.

"Cakna dengan keluhan pengguna, terutama dalam kalangan B40 dan M40, kerajaan menerusi KPDNHEP bertekad untuk melipatgandakan usaha supaya harga RTK antigen ini dikurangkan lagi dan mampu dimiliki oleh semua ahli Keluarga Malaysia.

"Bersandarkan rundingan dan kerjasama antara di KPDNHEP serta pengusaha pernia-

gaan, harga RTK antigen secara sendiri didapati merekodkan penurunan dua kali dalam tempoh kurang dua bulan sejak harga siling dikuatkuasakan 'September lalu,' katanya.

Kini, RTK antigen boleh didapati di premis peruncitan pada harga serendah RM4.90, iaitu pengurangan sebanyak 87.7 peratus berbanding harga asal iaitu RM39.90, ketika peranti ini mula dijual di pasaran.

Susulan faktor persaingan, katanya, RTK antigen yang dijual di pasaran menjangkau 83 jenama dan tiada keperluan untuk menetapkan harga siling bagi peranti ini.

Harga sayur dijamin kembali stabil

Melaka: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan harga sayur, terutama yang diimport akan kembali stabil menjelang hujung tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata kenaikan harga ketika ini disebabkan beberapa faktor, namun ia berada dalam kawalan pihak terbabit.

Beliau berkata, MAFI bagaimanapun tidak mengesan berlaku kekurangan bekalan sama ada sayur import mahupun sayur tempatan.

"Kita mengesan kenaikan ini bermula Oktober lalu dan dijangkakan (harga) dapat distabilkan sehingga hujung tahun ini.

"Ketika ini kita dapat ada kenaikan di sesetengah tempat tetapi secara keseluruhannya kenaikan ini dapat dikawal, khususnya sayur import seperti brokoli dan kubis bulat," katanya.

Beliau berkata pada sidang media, semalam, selepas merasmikan Agroinvest MARDI 2021 yang turut dihadiri Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Ahmad berkata, dalam menangani situasi itu kemENTERIannya bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, pihaknya juga sentiasa membuat pemantauan harga dan mengadakan perbincangan bersama KPDNHEP dalam memastikan harga terkawal serta bekalan mencukupi.

Beliau berkata, dalam tempoh ini, rakyat disarankan memilih sayur tempatan berbanding sayur import kerana ia satu daripada matlamat utama dalam mempromosikan penggunaan bangan tempatan.



Ahmad Hamzah (kiri) menunjukkan buku keluaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada perasmian Agroinvest MARDI 2021, semalam. (Foto BERNAMA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	KOSMO	NEGARA	6



AHMAD (dua dari kanan) semasa ditemui pada Program Agrolinvest MARDI 2021 di Banda Hillr, Melaka semalam.

Bekalan sayur import China kurang kerana cuaca sejuk

Rakyat disaran makan sayur tempatan

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA — Rakyat disaran untuk makan sayur tempatan sehingga hujung tahun ini susulan harga sayur import dijangka terus meningkat sepanjang tempoh tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia berikutan jumlah bekalan sayur import termasuk dari China telah berkurangan akibat negara itu mengalami cuaca sejuk melampau.

Katanya, dalam tempoh ini rakyat disarankan untuk membeli sayur tempatan berbanding hasil import yang mengalami kenaikan mendadak mencecah RM4 sekilogram.

"Susulan kekangan cuaca hujan tidak menentu dalam negara dan China mengalami cuaca sejuk melampau, bekalan sayur import mengalami penyusutan.

"Sejak Oktober lalu, kita mengesan kenaikan harga sayur-sayuran import ini termasuk brokoli dan kubis bulat, jadi ini adalah masa terbaik untuk kita mempromosikan penggunaan sayur tempatan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Agrolinvest MARDI 2021 semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Jelasnya,

bagaimanapun

harga sayur-sayuran itu masih dalam kawalan dan dijangka dapat distabilkan menjelang hujung tahun ini.

"Bagi menangani situasi ini kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan bekalan dan kualiti barang terjamin," katanya.

Sementara itu, di **Hulu Terengganu**, Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, sebanyak 83 notis dikeluarkan KPDNHEP terhadap peniaga sayur di seluruh negara pada hari pertama pelaksanaan Ops Pasar kelmarin.

"Kesemua peniaga terlibat telah diberi tempoh dua hingga lima hari bagi menjawab notis berkenaan," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Rezeki berkebun di belakang rumah

GUA MUSANG: Hasil berbudi kepada tanah lapang di belakang rumahnya, seorang penduduk di Taman Agropolitan Rantau Manis, di sini kini mampu meraih pendapatan tambahan sehingga RM2,000 sebulan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Nazri Ismail, 47, dia memilih menanam pelbagai jenis sayuran menggunakan teknik fertigasi atau pemberian baja secara pengairan titis sejak tiga tahun lalu.

Kata Nazri, dia gembira dan bersyukur apabila melihat sayur-sayuran seperti petola, timun dan peria tersebut hidup subur di tanah lapang belakang rumahnya yang seluas kira-kira setengah ekar atau 0.2 hektar.

"Saya terlibat dalam pertanian fertigasi secara serius sejak tiga tahun lalu kerana ia memberi pulangan lumayan secara bulanan. Sekarang terdapat 1,200 polibeg berisi pelbagai sayuran yang saya

tanam menggunakan teknik ini.

"Saya bertuah kerana turut mendapat bantuan input pertanian serta khidmat nasihat pihak Jabatan Pertanian," katanya ketika ditemui di kediamannya di Taman Agropolitan Rantau Manis baru-baru ini.

Nazri dalam pada itu berkata, dia berhasrat untuk mengembangkan lagi kebun fertigasi tersebut dengan cara mempelbagaikan lagi jenis sayur-sayuran dan menanamnya dalam kuantiti lebih besar mulai tahun depan.

Katanya, ketika ini, dia mampu menuai hasil sebanyak 1.5 tan dalam tempoh setiap dua bulan dan memasarkan sayur-sayuran tersebut di sekitar daerah ini.

"Golongan belia perlu mencubai tanaman sayuran secara fertigasi ini kerana boleh menjana pendapatan terutamanya ketika kita sukar dapat kerja," katanya.



NAZRI Ismail memetik buah petola yang ditanam di kebun belakang rumahnya di Taman Agropolitan Rantau Manis, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Harga sayuran PKPS dijamin kekal rendah, berpatutan

SHAH ALAM: Perbadanan Kema-juan Pertanian Selangor (PKPS) memberi jaminan harga jualan produk sayur-sayuran pihaknya masih kekal pada kadar yang berpatutan.

Sayuran itu antaranya sawi hijau, brokoli, cili, kangkung, bayam merah, terung dan timun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr. Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, pihaknya mempunyai meka-

nisme kawalan harga berikutan ladang di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya turut mengeluarkan hasil sayuran sendiri.

"PKPS sebagai peneraju Inisiatif Jaminan Bekalan Selangor akan terus memikirkan kaedah membantu rakyat terutama dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil.

"Justeru, kita memberi jaminan bahawa harga produk sayuran PKPS masih rendah dan berpatutan kepada pengguna,"

katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran tempatan ketika ini ada kaitan dengan peningkatan harga baja dan racun di pasaran dunia.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, perkara itu dimaklumkan pada sesi libat urus antara kement-

riannya bersama Kementerian Kewangan serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kelmarin.

Terdahulu, sebuah infografik mengenai harga sayuran naik sebanyak RM2 sehingga RM12 sekilogram menimbulkan rasa geram dan marah warganet.

Dalam infografik itu, harga pasaran kubis bunga naik sebanyak RM8 iaitu daripada RM7 kepada RM16 per kilogram (kg), manakala harga sayur brokoli

pula naik RM12 per kg daripada harga asal RM8 kepada RM20.

Jelas Mohamad Khairil, PKPS turut akan melancarkan kempen jualan mega jimat bagi memastikan rakyat negeri ini mendapat akses sayuran berkualiti pada harga rendah.

"Sebagai contoh, kita akan menjual sayur pak choy hanya RM3.50 per kg berbanding harga pasaran iaitu RM9, manakala kacang buncis dijual RM6 per kg daripada RM15.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1



Ancaman selesema burung

Penyeludupan
ayam hidup dari
Siam berisiko
sebar penyakit
berbahaya kepada
unggas dan
manusia

KEGIATAN penyeludupan ayam hidup dari Thailand khususnya ke negeri Kelantan boleh mengancam dan memberi risiko besar kepada kesihatan awam serta unggas di negara ini menerusi penyebaran penyakit selesema burung.

Pegawai Veterinar dari Pusat

Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Muhammad Azrolharith Rashid berkata, situasi itu tidak mustahil berlaku memandangkan ayam hidup berkenaan perlu melalui pemeriksaan rapi oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

"Walaupun haiwan itu tidak mempunyai virus selesema burung, ia masih perlu dikuarantin bagi memastikan ternakan tersebut bebas daripada sebarang penyakit," katanya kepada Kosmo! semalam.

► LAPORAN PENUH DI MUKA 2

Penyeludupan unggas dari negara jiran ancam penyebaran selesema burung

Ayam hidup Siam boleh bawa penyakit

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

PETALING JAYA – Selain menyalahi undang-undang, aktiviti penyeludupan ayam hidup dari Thailand yang semakin berleluasa ketika ini dibimbangi akan menjadi punca kepada penyebaran penyakit selesema burung di negara ini.

Lebih menakutkan apabila virus selesema burung itu turut berpotensi untuk menjangkiti manusia seperti mana yang pernah berlaku di negara-negara seperti Kemboja, China, Indonesia dan Thailand pada tahun 2004 sehingga 2006.

Sebagai contoh, penyakit selesema burung yang pernah melanda Thailand menerusi virus Avian Influenza A (H5N1) pada 2003 telah merebak ke negeri Kelantan pada 2004 menyebabkan ternakan ayam dan itik terkesan teruk.

Pegawai Veterinar dari Pusat Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Muhammad Azrolharith Rashid berkata, aktiviti penyeludupan ayam hidup ke negara ini adalah tidak dibenarkan kerana dikuatiri menjadi punca kepada merebaknya penyakit selesema burung.

Katanya, meskipun peniaga tempatan yang memasarkan ayam berkenaan menajuhin dari aspek halal dan kebersihan haiwan berkenaan, ia masih memberi risiko terutama kepada pengguna.

"Haiwan ternakan seperti ayam berada di bawah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan diwajibkan untuk dikuarantin dalam satu tempoh masa yang spesifik bagi memastikan haiwan tersebut tidak membawa sebarang pe-

Selesema burung

- Disebabkan virus Avian Influenza A (H5N1)
- Mudah berjangkit antara burung dan boleh membunuh ayam dan itik
- Burung yang dijangkiti mengeluarkan virus melalui air liur, lelehan air hidung dan najis
- Beberapa kes jangkitan ke atas manusia berlaku di Kemboja, Indonesia, Vietnam, Hong Kong dan China
- Manusia boleh dijangkiti melalui kontak dengan burung liar dan binatang ternakan yang dijangkiti
- Antara tanda-tanda selesema burung kepada manusia ialah demam, batuk, sakit tekak, sakit sendi, kesukaran bernafas, jangkitan paru-paru dan sakit mata

nyakit," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai laporan muka depan Kosmo! Ahad semalam yang mendedahkan mengenai aktiviti penyeludupan ayam hidup dari Thailand.

Tambah beliau, dalam tempoh kuarantin itu, perubahan iklim boleh menyebabkan penyakit bawaan unggas atau haiwan ternakan lain muncul termasuklah kes penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) yang dikesan ke atas ternakan lembu sebelum ini.

"Jika ayam hidup masuk ke negara kita tanpa pemeriksaan daripada pihak Maqis, ia berisiko membawa penyakit kepada haiwan-haiwan lain, sekali gus boleh menyebabkan kewujudan virus atau penyakit baharu.

"Walaupun haiwan ternakan itu tidak mempunyai virus se-



PENYEBARAN penyakit selesema burung tidak hanya mengancam haiwan ternakan, tetapi turut memberi kesan kepada manusia. - GAMBAR HIASAN

lesema burung, haiwan itu masih perlu menjalani kuarantin bagi memastikan ia bebas daripada penyakit-penyakit yang lain," katanya.

Jelasnya, bagi haiwan yang telah disembelih, pemeriksaan juga perlu dilakukan selepas proses penyembelihan bagi mengesan sama ada haiwan itu masih membawa penyakit ataupun tidak.

Selain itu katanya, penternak yang terlibat menguruskan haiwan seludup juga terdedah ke-

pada sebarang bentuk jangkitan penyakit sama ada ketika proses menternak mahupun penyembelihan.

"Apabila haiwan itu diseludup, kita tidak dapat pastikan aspek kebersihan dan kesihatannya sebelum di bawa masuk ke negara ini.

"Bagi mereka yang memakan ayam seludup terbabit, dikhawatirkan mereka juga terdedah kepada jangkitan penyakit.

"Seelok-eloknya, peniaga membeli ayam hidup dari pasa-

ran tempatan bagi menjaga standard kebersihan dan memastikan industri makanan kita kekal selamat," tambahnya.

Terdahulu, Kosmo! Ahad semalam melaporkan mengenai isu lambakan ayam hidup Siam disyaki diseludup ke Kota Bharu, Tumpat dan Pasir Mas untuk dijual kepada pengguna.

Tindakan itu dibuat atas alasan para peniaga tidak mampu lagi menampung kos operasi yang tinggi di pasaran tempatan.

Kelantan ambil serius isu seludup ayam dari Thailand



KERATAN Kosmo! Ahad semalam.

Oleh YATIMIN ABDULLAH

KOTA BHARU – Kerajaan negeri Kelantan sedang menunggu maklumat penuh berkaitan isu lambakan ayam dari negara jiran yang diseludup masuk ke negara ini sebelum disem belih bagi tujuan dijual di pasaran tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, pihaknya sudah meminta agensi berkaitan menyedak maklumat berkaitan berhubung perkara tersebut.

"Buat masa ini, saya tidak

boleh memberikan sebarang ulasan. Apabila dapat maklumat, kita akan kongsi," katanya ringkas ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Menerusi pendedahan Kosmo! Ahad semalam, kenaikan harga ayam di pasaran tempatan menjadi alasan segelintir peniaga di negeri ini bersekongkol dengan

penyeludup untuk mendapatkan bekalan dari Siam yang didakwa lebih murah hingga mengakibatkan berlaku lambakan di beberapa buah daerah.

Sebanyak 1,000 hingga 2,000 ekor ayam hidup diseludup bagi menampung permintaan peniaga di Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat setiap hari.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MARDI komersialkan 57 daripada 338 teknologi kepada 40 syarikat



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad ketika program Agroinvest MARDI di Bandar Hilir. NSTP/NAZRI ABU BAKAR

MELAKA: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengkomersialkan kira-kira 17 peratus atau 57 daripada 338 teknologi yang dijana kepada 40 syarikat sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata pengkomersialan

teknologi itu membabitkan nilai perniagaan sebanyak RM171.9 juta dengan nilai teknologi RM15.9 juta.

"MARDI berperanan besar dalam memartabatkan sektor pertanian dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui penyelidikan yang berterusan dan antaranya ialah membangunkan teknologi atau inovasi untuk dipindahkan atau digunakan bagi menyelesaikan masalah golongan sasar.

"Antara platform diwujudkan bagi menjayakan aktiviti pengkomersialan berkenaan ialah menerusi penganjuran Program Agroinvest yang mula dilaksanakan sejak 2016," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Agroinvest MARDI 2021 bertemakan 'Evolusi Pemakanan Sihat Untuk Keluarga Malaysia' di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Ahmad berkata, menerusi Program Agroinvest MARDI, sebanyak 252 syarikat terbabit bagi membida lebih daripada 50 teknologi berdaya saing dan berpotensi tinggi yang ditawarkan kepada syarikat dan usahawan terbabit.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 88 syarikat menunjukkan minat untuk mendapatkan teknologi berkenaan dan sebahagian daripada mereka telah menandatangani perjanjian pengkomersialan dengan MARDI melalui kaedah pelesenan, jualan terus dan khidmat rundingan.

"Hasilnya setiap tahun MARDI mendapat pulangan purata melebihi RM1.4 juta melalui yuran pelesenan, pengurusan, jualan terus dan khidmat rundingan dan ia merupakan satu kejayaan yang boleh dibanggakan," katanya.

Sementara itu, penganjuran Agroinvest MARDI 2021 hari ini disertai 130 peserta dari pelbagai syarikat, usahawan dan rakan industri, dengan 23 teknologi berasaskan makanan dan minuman diperkenalkan kepada peserta terbabit.

Dalam perkembangan lain, Ahmad memberi jaminan bekalan makanan terutama sayur-sayuran mencukupi walaupun terdapat kenaikan harga membabitkan sayur-sayuran import dari China seperti kubis bulat dan brokoli.

"Kenaikan harga sayur-sayuran ini kita dapat kesan sejak bulan lalu dan kita perlu menerima hakikat bahawa terdapat beberapa isu dan kekangan yang dihadapi terutama cuaca sejuk di negara pengeluar ketika ini telah menyebabkan pengeluaran sedikit tergendala sehingga menyebabkan kenaikan harga.

"Namun kita jangkakan harga berkenaan kembali stabil menjelang akhir tahun ini dan pada masa sama, kita menyarankan rakyat membeli sayur-sayuran tempatan berbanding import, sekali gus membantu mempromosikan produk keluaran tempatan," katanya.— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MARDI perkenal 23 teknologi makanan



Ahmad (tengah) pada program Agroiinvest MARDI di Bandar Hilir, Melaka. - Foto NSTP Nazri Abu Bakar

MELAKA: Seramai 130 usahawan, syarikat dan rakan industri menyertai program Agroiinvest Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata 23 teknologi berasaskan makanan dan minuman yang menekankan kesihatan berlandaskan penyelidikan

dan pembangunan (R&D) diperkenal.

Beliau berkata, MARDI menjana inovasi makanan berkhasiat untuk kesihatan sosial dan meningkatkan ekonomi negara.

"MARDI diharapkan dapat merancang dan melaksanakan proses R&D bagi janaan teknologi dan inovasi yang dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran," katanya pada perasmian program terbabit.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Program bertemakan Evolusi Pemakanan Sihat Untuk Keluarga Malaysia turut menjadi platform Biz-Matching dalam mempromosikan teknologi dan inovasi yang dibangunkan MARDI.

Ahmad berkata, sepanjang pelaksanaan Agroiinvest sejak 2016, sebanyak 252 syarikat membida lebih daripada 50 teknologi.

Katanya, 88 syarikat atau 35 peratus menunjukkan minat bagi mendapatkan teknologi MARDI dan sebahagiannya menandatangani perjanjian dengan MARDI melalui pelesenan, jualan terus dan juga khidmat rundingan.

Beliau berkata, setiap tahun secara puratanya, MARDI berjaya memperoleh pulangan melebihi RM1.4 juta hasil daripada pengkomersialan

MARDI komersial 57 teknologi pada RMK-11

Melaka: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengkomersialkan kira-kira 17 peratus atau 57 daripada 338 teknologi yang dijanakan kepada 40 syarikat sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pengkomersialan teknologi itu membabitkan nilai perniagaan sebanyak RM171.9 juta dengan nilai teknologi RM15.9 juta.

"MARDI berperanan besar dalam memartabatkan sektor per-

tanian dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui penyediaan yang berterusan dan antaranya ialah membangunkan teknologi atau inovasi untuk dipindahkan atau digunakan bagi menyelesaikan masalah golongan sasaran.

"Antara platform diwujudkan bagi menjayakan aktiviti pengkomersialan berkenaan ialah menerusi penganjuran Program Agroinvest yang mula dilaksanakan sejak 2016," katanya selepas merasmikan Program Agroinvest MARDI 2021 bertemakan 'Evolusi Pemakanan Sihat Untuk Ke-

luarga Malaysia' di sini, semalam.

Ahmad berkata, menerusi Program Agroinvest MARDI, sebanyak 252 syarikat terabit bagi membida lebih daripada 50 teknologi berdaya saing dan berpotensi tinggi ditawarkan kepada syarikat dan usahawan terabit.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 88 syarikat menunjukkan minat mendapatkan teknologi berkenaan dan sebahagian daripada mereka menandatangani perjanjian pengkomersialan dengan MARDI melalui kaedah

pelesenan, jualan terus dan khidmat rundingan.

"Ini untuk menghasilkan bahan mentah dalam negara yang bersesuaian dan mengurangkan kebergantungan terhadap bahan mentah dan pasaran luar negara," katanya mengulas isu kenaikan harga barang ketika ini.

Bellau berkata, kenaikan harga barang dilihat membebankan rakyat yang ketika ini dalam proses pemulihan kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Katanya, Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia menunjukkan peningkatan 2.9 peratus tahun ke tahun kepada 123.7 pada Oktober 2021 berbanding 120.2 pada bulan yang sama 2020.

"Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi indeks kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol.

"Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7 peratus), diikuti Terengganu (2.6 peratus), Pahang (2.5 peratus), Kelantan (2.4 peratus), Perak (2.4 peratus), Johor (2.2 peratus), Melaka (2.0 peratus) dan Negeri Sembilan, 1.9 peratus.

"Situasi semasa semakin meruncing apabila berlaku kenaikan harga ayam dan telur yang memberikan tekanan kepada peniaga dan pengguna," katanya.

Bellau berkata, banyak faktor lagi yang mempengaruhi kenaikan harga barang antaranya kenaikan bahan mentah, lebih permintaan daripada penawaran dan kenaikan kos pengangkutan.

Katanya, ia memberikan kesan kepada kenaikan harga yang perlu diberi perhatian bagi mengelak berlaku krisis sekuriti makanan.

29/11/2021

BERITA
HARIAN

KOMENTAR

11

Kerjasama semua pihak atasi kenaikan harga barang

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my

Pasca COVID-19 fasa sukar terutama kepada usahawan, di mana mereka perlu berusaha mengukuhkan perniagaan demi kelestarian perniagaan dijalankan.

Menyedihkan, ada segelintir mengamhil kesempatan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya dengan memberi pelbagai alasan.

Senario sebegini tidak sepatutnya berlaku di kala kita semua berusaha memulihkan kembali sosioekonomi pasca COVID-19.

Satu persoalan perlu diberi perhatian apakah punca berlakunya peningkatan terbabit. Adakah disebabkan kekurangan bekalan dalam pasaran atau wujudnya bentuk pakatan dalam pasaran barang keperluan di negara ini.

Apabila senario ini wujud, sudah semestinya mereka akan mengawal atau memanipulasi harga barang keperluan asas dalam pasaran. Akhirnya, pihak terbabit akan mengaut keuntungan betipat ganda hasil tekanan mereka lakukan.

Ini kerana, objektif utama pihak ini hanyalah satu iaitu untuk memaksimumkan keuntungan semata-mata, tanpa mengira kesukaran dan kesusahan dihadapi pihak lain iaitu pengguna.

BH pada 25 November lalu melaporkan satu syarikat pengeluar produk roti di Semenanjung Malaysia mengumumkan akan ada kenaikan harga pada produk keluaran syarikat terbabit, susulan kenaikan harga bahan mentah seperti tepung, gandum, gandum penuh, lemak sayuran, serbuk koko, susu dan pembungkusan.

Jelas sekali kenaikan harga barang dibuat atas faktor kenaikan bahan asas digunakan dalam pengeluaran produk. Jika tiada kenaikan harga barang, syarikat mungkin sukar menampung kos pengeluaran memandangkan kos bahan mentah sudah meningkat.

Apabila kenaikan harga bahan asas berlaku, harga barang dikeluarkan akan turut mengalami peningkatan. Inilah ekosistem yang perlu difahami pengguna.

Oleh itu, bagi mengelak berlakunya peningkatan harga barang, kawalan harga ke atas bahan mentah atau asas perlu dilakukan.

Tidak dinafikan sebagai peniaga atau pemborong, sudah semestinya keuntungan menjadi objektif utama. Namun seharusnya keuntungan hendak diper-

oleh perlulah memadai dan janganlah terlalu berlipat ganda.

Mungkin peniaga tiada pilihan menaikan harga memandangkan mereka juga membeli daripada pemborong dengan harga tinggi. Demi mendapat sedikit keuntungan, akhirnya mereka terpaksa melatakkan harga sedikit tinggi.

Demi mengawal kenaikan harga barang ini, kerajaan bukan hanya diperlukan daripada peniaga semata-mata, malah pemborong juga. Seandainya tiada kerjasama pelbagai pihak, sudah semestinya krisis kenaikan harga barang tiada berkesudahan.

Antara inisiatif diambil kerajaan dalam menangani isu peningkatan harga bahan makanan adalah dengan menyediakan dana sebagai pinjaman dalam sektor agromakanan.

Dengan adanya dana ini, ia dapat membantu usahawan petani dalam meningkatkan hasil pertanian dan seterusnya mengurangkan kadar import barang berkenaan dari negara luar.

Disamping itu, pemantauan lebih komprehensif dan proaktif juga perlu dilakukan bagi memastikan aktiviti yang banyak memberi tekanan dan beban kepada pengguna perlu dibanteras segera.

Jalanan kerjasama dengan pelbagai agensi perlu dilakukan supaya kerajaan tidak bersendirian dalam menangani isu kenaikan harga barang ini.

Dengan adanya pelbagai akta dan undang-undang, ia akan membantu kerajaan mengawal serta menanganai isu kenaikan harga barang yang terkadang tiada kawalan ini.

Kita sebagai pengguna pula, perlu bijak membuat pilihan dalam pembelian barang keperluan. Ia bukannya mudah, tetapi kita perlu belajar supaya tidak merasa terbeban dengan keadaan semasa.

Mainkan peranan sebagai pengguna sebaik mungkin demi kesejahteraan bersama.



Penyediaan dana kepada sektor agromakanan antara inisiatif untuk menangani isu peningkatan harga bahan makanan. (Foto hiasan)



Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UTM)
Puncak Alam

29/11/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

8

Isu kenaikan harga sayur

'Hasil jualan sekadar tampung kos benih, baja'

Pekebun tidak dapat kelebihan, banyak faktor perlu ditanggung

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran tidak banyak memberi kelebihan kepada pekebun, dakwa Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia.

Setiausaha Agungnya, Chay Ee Mong, sebaliknya berkata hasil jualan yang diraih pekebun hanya 'memadai' untuk menampung kos pembelian benih, baja dan racun import termasuk penanaman semula bahan mentah itu pada musim seterusnya.

Beliau berkata, dakwaan mengatakan pekebun menikmati 'kemewahan' susulan kenaikan harga sayur seperti difikirkan sesetengah orang adalah tidak tepat kerana mereka perlu menampung pula kenaikan harga benih, baja, racun dan mengagajikan warga tempatan.

Katanya, banyak faktor, sama ada dalaman dan luaran perlu di-

tanggung pekebun yang turut perlu mengharungi tempoh pandemik COVID-19 akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kadang-kadang memang ada perjanjian 'mark up' mengikut trend harga semasa. Barang kurang tetapi pemborong tentukan harga namun apabila harga naik sedikit, mereka pun jual tinggi dan bayaran ikut nisbah tinggi."

"Dari segi harga bukan pekebun yang ditetapkan. Kita pun nak harga stabil. Sekarang, harga sayur terlalu tinggi tetapi kita pun tak dapat untung banyak. Contohnya, bila cuaca baik harga sayur turun tetapi kita pun ada kos input perlu ditanagang."

"Kalau harga tidak naik, keadaaan pekebun seperti kami akan bertambah teruk pada tahun akan datang. Sekarang ada petani menanam mengikut kaedah fertisasi dan memerlukan baja kimia diimport. Harga pun naik. Nak dapatkan benih dan baja kimia pun susah sekarang kerana perlu bersaing bukan saja dalam negara malah persaingan permintaan di peringkat global," katanya kepada BH, semalam.

Negara ketika berdepan kenaikan harga sayur-sayuran yang mengakibatkan masyarakat mengalami kerugian perlu berbelanja lebih apabila memberi barang keperluan harian.

Bagaimanapun, kenaikan harga sayur-sayuran dikatakan diso-

babkan harga baja, benih dan kos buruh yang meningkat susulan pelaksanaan PKP bersasar dan ketat sejak suku kedua tahun ini.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pekebun India Cameron Highlands, S Madhan berkata, pulation diterima pibakanya tidak signifikan walaupun harga sayur naik sehingga 200 hingga 300 peratus kerana perlu menanggung kos lain susulan kenaikan harga baja dan racun.

Katanya, kekangan mendapatkan buruh asing memberi kesan terhadap peningkatan kos operasi di ladang kerana perlu mengagajikan pekerja tempatan dengan

gaji lebih tinggi.

"Harga racun naik, harga baja naik. Gaji pun naik dua kali ganda. Kos perlu ditanggung majikan sangat tinggi dengan kekurangan pekerja asing. Dulu kita bayar gaji antara RM1,200 sehingga RM1,300 sebulan. Sekarang kena tawar gaji RM2,000. Itu pun masih ada tidak mau kerja," katanya.

Pekebun sayur, Hanafi Ab Rahman, 46, mengakui margin keuntungan diterima susulan kenaikan harga sayur-sayuran dalam pasaran ketika ini tidak semewah disangka.

Beliau yang menjalankan tanaman secara fertisasi berkata, harga bahan digunakan seperti baja dan racun meningkat dan perlu mempersiapkan modal kewangan berdepan cabaran akan datang.

"Margin (keuntungan) tidak mewah sebab kita kena bersedia (modal kewangan) untuk musim (penanaman) seterusnya. Dalam pemiagaan seperti ini, ada masa untung ada masa harga merudum."

"Itu belum lagi lambakan sayur dari luar. Bila masuk ke pasaran Malaysia, harganya boleh jadi murah dan kesannya kepada kita. Apabila murah harga sayur, kita akan terima nasib teruk."

"Pekebun seperti saya tak boleh tetapkan harga kerana ditetapkan pemborong. Sama seperti getah dan sawit, harga pemborong yang ditetapkan," katanya.

Dari segi harga bukan pekebun yang ditetapkan. Kita pun nak harga stabil. Sekarang, harga sayur terlalu tinggi tetapi kita pun tak dapat untung banyak

Chay Ee Mong,
Setiausaha Agung
Persatuan-Persatuan
Pekebun Sayur
Malaysia



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Tangani isu kenaikan harga barang secara kolektif

SHAH ALAM - Ketua Penerangan Pas, Senator Ir Khairil Nizam Khirudin menggesa kerajaan menggabungkan agensi dan Kementerian bagi menangani isu kenaikan harga barang yang mendadak secara kolektif.

Menurutnya, isu kenaikan harga barang tidak hanya tertumpu di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sahaja.

Beliau menyarankan Kementerian yang boleh bekerjasama menyelesaikan isu tersebut ialah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Dalam

Negeri (KDN) supaya lebih banyak inisiatif serta tindakan penguatkuasaan bersepadu dapat dirangka dan dilaksanakan.

“Anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) juga dapat digerakkan untuk membantu dari segi pemantauan.

“Kerajaan terutama melalui MOF diharapkan dapat menambah subsidi dan memberi geran seranta menawarkan pinjaman tanpa faedah sebagai insentif jangka panjang yang



KHAIRIL NIZAM

berterusan terhadap petani, penernak, peladang, nelayan serta pihak-pihak lain di bawah MAFI yang menjadi pemain utama dalam rantai an barangan keperluan kepada pengguna,” katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Ahad.

Khairil Nizam berkata, KPDNHEP dan agensi di bawah KDN juga boleh bekerjasama untuk terus memantau dan mengaukuasakan tindakan mengekang rapat kemungkinan manipulasi, monopoli, sorok barang, pencatutan, penyeludupan

dan sebagainya.

Beliau berharap, kerajaan dapat menumpukan strategi untuk mengurangkan pergantungan sumber makanan kepada negara luar yang masih berterusan melalui kawalan pasaran keperluan pengguna dalam negara.

“Ia dapat dilakukan melalui peranan Kementerian lain yang fungsinya dapat menyumbang bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang dan makanan.

“Kesejahteraan Keluarga Malaysia perlu diutamakan kerana masih ramai rakyat yang terkesan dengan pandemik Covid-19 dan tidak mampu menerima kenaikan mendadak harga barang,” ujarnya.



MUNDAR-MANDIR
DI KAKI LIMA

ROZAID RAHMAN

Di saat seluruh negara sedang memperkatakan tentang kenaikan harga sayur-sayuran, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) tampil dengan jaminan bahawa harga jualan produk sayur-sayuran mereka kekal pada harga rendah dan berpatutan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairul Mohamad Razi dalam satu kenyataan berkata, PKPS melancarkan kempen jualan mega jimat untuk memastikan rakyat Selangor terus mendapat akses kepada sayur-sayuran berkualiti pada harga rendah.

"Sebagai contoh, sayur pak choy yang dijual pada harga RM9 sekilogram (kg) di pasaran, kami jual hanya pada harga RM3.50 per kg manakala kacang buncis yang dijual pada harga RM15 sekilo di pasaran, kami jual pada harga RM6 sekilo," katanya.

Jelas sekali, PKPS mempunyai mekanisme kawalan harga tersendiri memandangkan ladang mereka iaitu Selangor Fruit Valley di Bestari Jaya turut mengeluarkan hasil sayur-sayuran sendiri.

Senarai sayuran yang dihasilkan oleh PKPS antara lain ialah sawi hijau, brokoli, cili merah, cili hijau, kangkung, bayam merah, terung dan timun.

Apa yang menarik ialah PKPS turut menggunakan kelebihan laman media sosial untuk memasarkan produk mereka dan berkongsi lokasi serta kaedah jualan.

Mereka memanfaatkan laman Facebook dan Instagram PKPS.

Pendek kata, PKPS sebagai peneraju Inisiatif Jaminan Bekalan Negeri, telah berjaya membawa aspirasi kerajaan negeri untuk kemandirian hidup tatkala krisis dan akhirnya yang mendapat faedah secara langsung ialah warga Selangor itu sendiri.

Untuk itu kita wajar mengucapkan syabas dan tahniah kepada negeri Selangor dan agensi-agensi sokongan di bawahnya.

Dalam keadaan keperluan mendesak seperti inilah peranan PKPS amat penting dan menyerlah malah amat amat diperlukan.

Tidak cukup dengan itu, mereka juga melancarkan kempen jualan mega



PKPS mempunyai mekanisme kawalan harga tersendiri memandangkan ladang mereka iaitu Selangor Fruit Valley di Bestari Jaya turut mengeluarkan hasil sayur-sayuran sendiri.

Jimat sebagai sebahagian daripada promosi memperkenankan jenama komersil PKPS iaitu 'Ehsan kepada orang ramai'.

Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan akan turut mengadakan sesi jualan sayuran murah menerusi aplikasi dalam talian 'mypasarborong' dalam masa terdekat sebagai alternatif kepada pembeli yang mahu kemudahan penghantaran ke rumah.

Sebarang maklumat lanjut me-

ngenai jualan sayuran murah ini boleh dihubungi talian 019-316 2400 pada waktu pejabat.

Hebat tidak hebat hinggan CEO PKPS sanggup beri jaminan: "Jangan risau, Insha-ALLAH, PKPS ada." Mungkin negeri lain boleh belajar sesuatu daripada PKPS.

* Rozaid Rahman ialah Ketua Pengarah Kumpulan dan Ketua Pegawai Pengisian Sinar Harian

"Jangan risau, Insha-ALLAH PKPS ada..."

Pertanian bantu B40 jana pendapatan

Kampus



Oleh KHAIRIYAH HANAFI

BAGI memperkasa masyarakat miskin bandar golongan B40 khususnya ketika era pandemik, Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Green Cities and Construction Research Group (GCCRG) mengambil inisiatif menjalankan projek tanaman bandar pintar bagi golongan itu menjana pendapatan.

Projek itu dikenali sebagai Smart Urban Farming of IoT-Cement-Biosis Solar Powered Hydroponic for Pressing B40 Urban Poor Needs during Covid-19.

Isa usaha sama antara universiti, industri dan komuniti bertujuan untuk membantu menjana pendapatan aktif 30 komuniti B40 di Projek Perumahan Rakyat Seri Semarak, Kuala Lumpur.

Menurut Ketua Projeknya, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Syuhaida Ismail, projek tanaman bandar itu mempunyai keunikan tersendiri kerana ia menggunakan teknologi terkini dan sistem fero yang disimbioskan dalam penanaman hidroponik serta fertigasi.

Justeru, program yang dibiayai sepenuhnya oleh The Institute of Electrical and Electronics Engineers itu turut melibatkan penyertaan pakar-pakar daripada pelbagai bidang kejuruteraan di UTM seperti kejuruteraan awam, elektrik, mekanikal, kimia dan Industri 4.0.

"Misi kita adalah untuk membantu masyarakat miskin bandar khususnya dalam era pandemik melalui aktiviti penajaan pendapatan aktif daripada penjualan hasil tanaman.

"Selain itu, ia juga memberikan tanaman segar dan berhasiat untuk kegunaan sendiri.

"Menerusi projek ini, jenis tanaman yang diusahakan iaitu hidroponik dan fertigasi memfokuskan kepada pokok salad kerana ia mampu menjana keuntungan paling lumayan dengan



PROJEK ini bertujuan untuk memperkasakan masyarakat miskin bandar B40 dalam era pandemik menerusi hasil tanaman berhasiat untuk kegunaan sendiri.



TEKNOLOGI terkini diaplikasikan dalam sistem hidroponik dan fertigasi.

kaedah penanaman serta penjagaan mudah dan ringkas," katanya.

Aktiviti libat sama pelbagai pihak seperti ini membuka mata masyarakat tentang kepentingan penglibatan agensi kerajaan mahupun pihak industri dalam membantu memperkasakan komuniti B40.

Di samping itu, ia turut mengetengahkan fungsi penting yang ada pada UTM dalam mengaplikasikan hasil penyelidikan kakitangannya bagi menyelesaikan masalah komuniti.

SELAIN manfaat ibu bapa, anak-anak turut didedahkan dengan ilmu pertanian bandar.

"Pertanian bandar bukan sahaja aktiviti penajaan pendapatan dan kelangsungan hidup hasil dari sumber tanaman segar, tetapi juga program mempertingkatkan daya saing masyarakat.

"Dari situ, mereka mempelajari bagaimana mahu mempertingkatkan daya tahan kehidupan mereka dalam menghadapi pandemik dan endemik pada masa depan," jelasnya.

Inisiatif dan usaha keras GCCRG dan FTIR dalam membantu komuniti serta menupuk kelestarian ini juga berjaya membuka mata banyak pihak untuk turut sama terlibat dalam projek seperti ini.

Ini terbukti apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut sama mengemblem tenaga membantu komuniti berkenaan.

Aktiviti pertanian bandar pintar ini dijalankan setiap Sabtu dan Ahad bermula September lalu hingga Mac 2022.

Bagaimanapun, pada 7 November lalu, para penyelidik dan komuniti B40 PPR Seri Semarak menerima kunjungan daripada pegawai JKJ dan sukarelawan untuk berganding bahu menyediakan infrastruktur projek pertanian bandar pintar di atas tapak Laman Agro Seri Semarak.

Disebabkan ia mendapat perhatian pelbagai pihak, menurut Dr. Syuhaida, projek itu boleh diusahakan di kawasan PPR lain yang berada di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi membantu golongan B40.

"Kita akan mengadakan perbincangan dengan DBKL jika menerima dana baharu," ujarnya.



DR. SYUHaida (tiga dari kiri) bersama barisan sukarelawan yang menjayakan projek pertanian bandar buat golongan B40.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/11/2021	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Isu harga barang yang tak berkesudahan



ANALISIS
MUKA 16

RUBIAH OMAR

Sejak kebelakangan ini, isu kenaikan harga barang terutamanya bahan mentah termasuk ayam, sayur dan telur ayam sekali gus menjadi antara topik yang hangat diperkatakan di media sosial.

Kenaikan harga barang keperluan utama dapur ini sememangnya sangat memeranjatkan pengguna kerana harga barang yang dijual ketika ini selalunya berlaku pada musim perayaan sahaja.

Penulis berkesempatan bertanya kepada beberapa peniaga ayam di sekitar daerah Hulu Terengganu dan dimaklumkan bekalan ayam tidak mencukupi di pasaran sehingga mereka terpaksa 'berebut' sesama sendiri hanya untuk mendapatkan bekalan sehingga terpaksa menjual dengan harga mahal.

Penulis bukan sekadar bertanyakan permasalahan ini kepada peniaga runcit, malah turut bertanyakan kepada pemborong ayam dan jawapan sama turut diberikan mereka. Bekalan ayam tidak mencukupi sehinggakan ada sebahagian daripada mereka terpaksa menutup cawangan kerana tidak ada 'barang' hendak dijual.

Sebelum ini juga, ramai pembekal ayam mendedahkan bahawa harga dedak yang mahal menyebabkan kenaikan harga daging ayam itu.

Jadi mahu tidak mahu dari peringkat penternak lagi mereka terpaksa menaikkan harga bagi menampung

kos operasi.

Namun bagi peniaga mereka tidak mahu tahu isu harga kenaikan dedak tetapi menggesa pihak berkaitan menangani masalah terbabit yang dilihat tidak berkesudahan.

Setiap kali harga ayam naik, mesti ia dikaitkan dengan harga dedak yang meningkat. Skrip sama setiap tahun sehingga peniaga juga boleh mengagak jawapan daripada pembekal.

Diakui isu kenaikan harga barang mentah sudah berlaku sejak dulu lagi. Tidak kira kerajaan mana yang menadbir, masalah ini sering timbul. Yang menjadi mangsa adalah pengguna yang tiada pilihan. Mahu tidak mahu terpaksa juga membeli.

Terbeban

Kenaikan harga barang mentah juga membebankan peniaga makanan yang terpaksa menaikkan kos kerana tidak mahu terus menanggung rugi.

Beberapa peniaga kedai makan yang ditemui penulis mengakui kenaikan bahan mentah boleh dikatakan hampir setiap bulan berlaku dan situasi ini secara langsung memberi kesan kepada mereka yang setiap hari memerlukan bahan mentah berkenaan.

Peniaga dalam dilema kerana jika mereka menaikkan harga makanan, pengguna akan terbeban. Namun jika mereka masih mengekalkan harga lama, dikhawatiri perniagaan makanan mereka pula akan terjejas.

Secara peribadi, penulis berpendapat apa salahnya pihak terlibat mencari punca sebenar mengapa permasalahan ini masih berlaku memandangkan setiap kali diajukan mengenai perkara ini pasti skrip sama akan diulang sehinggakan masing-

masing sudah boleh menghafal jawapan yang bakal diterima mereka.

Mungkin pihak berkenaan boleh melakukan satu kaji selidik dengan pihak berkaitan bagaimana cara untuk mengatasi masalah harga dan bukannya setakat memberi jawapan sama setiap kali isu kenaikan harga barang berlaku saban tahun.

Namun tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam memantau harga barang mentah juga dipuji kerana pantas memberi maklum balas.

Sebagai contoh isu kenaikan harga roti jenama Gardenia yang dilaporkan akan meningkat bermula 1 Disember, Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memaklumkan, pihaknya akan memanggil pihak syarikat itu untuk memperoleh maklumat mengenai punca kenaikan harga produk berkenaan.

Mengulas harga ayam dan sayur-sayuran, beliau berkata, peningkatan kos operasi syarikat penternakan, kos import, kenaikan harga baja dan racun merupakan antara punca yang menyumbang kepada kenaikan harga produk itu di pasaran ketika ini.

"KPDNHEP akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam usaha mengawal harga jualan serta harga runcit khususnya di peringkat pengeluaran," kata beliau.

Diharap pihak kementerian dapat menangani masalah ini daripada terus membebankan pengguna. Tidak mahu isu harga naik ini seperti lagu *Bangau oh bangau* yang tiada berkesudahan.

* Rubiah Omar ialah wartawan Sinar Harian Terengganu

29/11/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

2

lokal

Oleh Ahmad Rabiul
Zulkifli
am@hmetro.com.my

Marang

Memiliki koleksi keladi kayangan yang berharga RM10,000 hingga RM35,000 sepokok memang akan membuatkan pemiliknya tidak lena tidur malam memikirkan keselamatan tanaman keladi eksotik yang dimilikinya.

Lebih membimbangkan apabila tular kejadian mercuri keladi kayangan yang semakin menjadi-jadi dan sering dilaporkan di media.

Bagaimanapun, bagi pasangan suami isteri dari Kampung Seberang Marang yang memiliki lebih 100 jenis keladi kayangan, menganggap ancaman kecurian itu sebagai asam garam sebagai peminat pokok hiasan berhar- ga.

Zaini Zakaria, 40, berkata, dia dan suami Mohd Saad Madhsham, 52, aktif mena- nam pelbagai jenis keladi ka- yangan sejak 2019 dan ber- belanja lebih RM50,000 bagi mengumpul pelbagai jenis keladi eksotik itu.

"Jika bimbang dan tidak sanggup menanggung risiko, memang tidak boleh men- ceburi kegiatan menanam keladi eksotik itu.


"Modal bagi mengumpul pelbagai jenis koleksi keladi eksotik itu bukan sedikit, te- tapi mencapai puluhan ribu ringgit.

"Saya sendiri membeli po- kok keladi jenis colocasias midnight dengan harga RM24,000 sepokok," katanya ketika ditemui Harian Metro di Laman Keladi Zee Mex di sini, semalam.

Tambahnya, keladi lain se- perti alocasia golden black stem variegated, mojito, white lava, milky way dan topeng firaun antara ko- leksi kela- di kaya- ngan yang di- miliki- nya.

"Seperti topeng fi- raun harga pasaran seka- rang antara RM10,000 hingga RM20,000 sepokok untuk pokok matang dan anak po-

ZAINI bersama suaminya memegang keladi jenis colocasias midnight dan milky way yang berharga RM10,000 sepokok. - Gambar NSTP/AHMAD RABIUL ZULKIFLI



TANAMAN KAYANGAN BOLEH CECAH
HARGA PULUHAN RIBU RINGGIT

KELADI BIKIN AKU TAK TIDUR MALAM!

kok dijual pada harga RM5,000 hingga RM8,000 se- pokok.

"Istimewanya tanam po- kok keladi itu kerana ia boleh dijual mahal daripada benih atau ubinya lagi.

"Ubi atau benih keladi jenis black stan variegated saya beli dengan harga RM18,000 dan anaknya boleh

dijual pada harga RM24,000 dan pokok matang pada har- ga RM38,000 sepokok," ka- tanya.

Menurutnya, koleksi keladi kayangan yang dimiliki se-

muanya mempunyai per- mintaian yang tinggi dan pada bila-bila masa boleh di- jual.

"Oleh itu, tidak hairanlah penjenayah sekarang menya- sarkan pokok keladi ek- sotik itu berbanding barangan lain.

"Peminat keladi pasti membelinya tanpa ba- nyak soal se- kiranya kela- di jenis kaya- ngan itu dijual le- bih murah daripada harga pasaran semasa," katanya.

Bercerita lagi, katanya, dia sedia maklum mengenai an- caman dan risiko kecurian apabila menanam keladi ek- sotik itu.

"Bagaimanapun ia bukan alasan kepada saya untuk ti-

dak meneruskan tanaman keladi kayangannya itu.

"Sekarang saya letak kame- ra liter tertutup (CCTV) di laman keladi bagi mencegah berlaku kecurian," katanya.

Suaminya, Mohd Saad berkata, menjadi tang- gungjawab pemilik keladi untuk memastikan tanaman mereka selamat dan tidak dicuri.

"Kita sudah sedia maklum dengan harga dan nilai keladi yang ditanam, oleh itu pe- milik perlu meningkatkan tahap keselamatan di laman keladi masing-masing. Se- baiknyanya sediakan kemuda- han CCTV di kawasan laman tanaman keladi supaya kes kecurian dapat dicegah," ka- tanya.

Tambahnya, tanaman ke- ladi lebih menguntungkan daripada emas se- karang.

"Bayangkan benih keladi mojito yang di- beli dengan harga RM400 dalam tempoh dua bulan boleh dijual pula pada har- ga RM700 dan apabila me- ningkat besar ia dijual pada harga RM1,000 dan ke atas," katanya.

Katanya, dia dan isteri per- nah menjual pokok keladi je- nis colocasias midnight de- ngan harga RM38,000 sepo- kok.

Jerantut: Harga yang begitu mahal hingga dilabel sebagai 'harga kayangan' bukan peng- halang kepada peminat keladi memiliki tumbuhan lembut itu.

Ini diakui beberapa pemi- nat tegar pokok keladi yang sanggup berbelanja besar se- mata-mata hanya untuk me- miliki pokok keladi spesies yang dianggap istimewa.

Bagi Fazlina Awang, 46, dia kini memiliki lebih 400 spe- sies keladi tempatan dan im- port pelbagai saiz, warna dan bentuk.

Menurutnya, dia mula ter- habit secara serius dengan hobi mengumpul pokok ke- ladi sebagai hiasan sejak se- tahun lalu selepas melihat po- kok berkenaan dalam media sosial.

Katanya, bermula dengan suka-suka kini menjadi se- makin serius apabila hampir setiap bulan membeli lebih 10 pokok pelbagai spesies de- ngan perbelanjaan kira-kira RM3,000.

"Saya membeli benih keladi dengan harga antara RM60 hingga RM180 sepokok dan pembekalan pokok berkenaan dari seluruh negara termasuk Indonesia. Pembelian secara dalam talian.

"Saya memiliki beberapa spesies yang dianggap mahal dan sukar untuk didapati an- taranya albino, komando, ka- ripap dan ikan pari. Harganya mencapai RM4,500 sepokok bagi induk bersaiz sederhana.

"Kebanyakan pokok keladi kayangan tidak memiliki wa- na menarik, sebagai contoh topeng firaun keluarga Co- locasias hanya berwarna hitam dan hijau," katanya ketika di- temui di sini, semalam.

Beliau yang menetap di Ulu Cheka, dekat sini, berkata, po- kok keladi spesies albino dari keluarga alocasia kini mendapat per- mintaian yang tinggi, keratan ubi dijual anta- ra RM25 hing- ga RM500.

Fazlina meng- nakip induk spesies ko-

FAZLINA menunjukkan antara jenis pokok keladi yang dimilikinya. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT



ANTARA spesies keladi yang dimiliki Zaini.

Kuala Terengganu: Jualan keladi kayangan dengan har- ga yang tinggi tidak menya- lah undang-undang beriku- tan ia dilakukan berdasarkan persetujuan bersama di an- tara penjual dan pembeli.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu Sa-

haruddin Mohd Kia berkata, pihaknya sedia maklum de- ngan jualan keladi hiasan dan eksotik yang bernilai puluhan ribu ringgit di negeri itu.

"Secara umumnya perbu- aan menjual keladi kayangan pada harga mahal tidak me- nyalahi undang-undang dan ia pula bukan barangan di

bawah kawalan kerajaan.

"Keladi pelbagai jenis ber- harga kayangan itu ditetap- kan peniaga berdasarkan ni- lainya tersendiri yang secara

umumnya diketahui peminat keladi.

"Harga keladi mahal kerana kesanggupan pembeli atau pengguna yang membelinya,

sekiranya tiada permintaan tinggi tiada pula keladi itu dijual mahal," katanya ke- tika dihubungi, semalam.

Saharuddin berkata, KPDNHEP tidak mempun- yai kuasa mengawal atau menetapkan harga jualan keladi sebaliknya pengguna sendiri yang berperanan menetapkan harga keladi.

Jual keladi kayangan pada harga mahal tak langgar undang-undang

Kumpul lebih 400 spesies keladi

nando, karipap dan ikan pari ini dijual antara RM500 hingga RM1,500 bergantung pada saiz, jumlah daun, warna dan tahap kesuburannya.

Katanya, selain sebagai memenuhi hobi anak pokok keladi juga dijual mengikut harga pasaran semasa, walaupun mahal namun peminat pokok berkenaan tetap ramai.

"Saya kini juga memiliki spesies *locasia*, *caladium*, *colocasia*, *monstera*, *ke-noyang*, *syngonium* dan *philodendron* yang dijadikan induk untuk menghasilkan benih atau nak keladi.

"Apabila anak pokok keladi banyak saya akan jual secara alam talian namun ada juga yang terus ke rumah untuk melihat sendiri sebelum membelinya.

"Terdapat individu yang mahu ingin memiliki pokok keladi yang daun berwarna merah terdapat juga yang lebih pada bentuk dan kesukaran mendapatkannya termasuk spesies import," katanya.

Fazlina berkata, pokok keladi keluaran Thailand kini mahal dengan harga yang begitu tinggi.

"Saya memiliki beberapa spesies yang dianggap mahal dan sukar untuk didapati"
Fazlina

Difahamkan, hingga mencapai RM2.5 juta sepokok, malah teknologi pertanian negara itu begitu maju terutama membabitkan kultur tisu.

"Saya ingin menasihatkan kepada peminat pokok keladi supaya lebih berhati-hati supaya tidak mudah tertipu dengan sindiket penipuan dalam talian atau *scammer* yang dikatakan menjual keladi dengan harga murah sedangkan suatu penipuan.

"Terdapat juga kes penjual menjual ubi atau anak pokok yang tidak sama dengan yang ditawarkan," katanya ibu kepada lima cahaya mata itu.

Seorang pengumpul pokok keladi yang hanya mahu dikenali sebagai Ani, 56, berkata, dia terpaksa mengeharkan belanja yang besar bagi mendapatkan benih pelbagai spesies pokok keladi tempatan.

"Saya bersama dua anak terlibat dengan aktiviti membeli dan menjual pokok keladi sejak lebih setahun lalu, modal memang besar tetapi pulangan juga memuaskan.

"Tidak dinafikan harga pokok keladi kini mahal... memang benar ia dilabel sebagai pokok harga kayangan dan hanya individu tertentu sahaja mampu memilikinya," katanya.



ika pengguna sendiri sanggup membeli keladi dengan harga sehingga 10,000, tidak tirubul isu pengguna teraniaya.

Pilihan dan keputusan tetap pada tangan pengguna sendiri. Jika merasa harga keladi yang dijual terlalu mahal, jangan beli. Boleh mencari penjual

keladi lain yang boleh menjual dengan harga yang lebih murah," katanya.

Beliau berharap pengguna mempunyai pengetahuan mengenai hak mereka sebelum membeli.

"Sebaiknya tanya harga dahulu sebelum membeli, penjual juga perlu meletakkan tanda harga," katanya.

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri

kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan perlu mengenal pasti alternatif kepada kebergantungan bahan mentah dan pasaran luar negara dengan memanfaatkan semaksimum mungkin potensi yang ada di dalam negara.

Profesor Madya di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Anuar Shah Bali Mahomed berkata, ini berikutan kenaikan harga barang dilihat membebankan rakyat yang sedang dalam proses pemulihan kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, semakin tinggi kebergantungan Malaysia terhadap bahan mentah dan pasaran luar negara, maka semakin berisiko negara berhadapan dengan krisis keselamatan makanan pada masa akan datang, terutama waktu berlaku peningkatan mendadak atau keterbatasan pengeluaran bahan mentah terbahit.

"Kenaikan harga barang ini memberikan kesan signifikan kepada seluruh rakyat Malaysia terutama petani dan golongan B40.

"Selain jangan terlalu bergantung dengan sumber bahan mentah dari luar negara, pemantauan harga juga perlu dilaksanakan oleh kerajaan secara lebih meluas.

"Ia perlu dilaksanakan 24 jam sekurang-kurangnya sehingga Disember 2021 agar harga barang dapat dikawal dan mengelak daripada terjadinya manipulasi harga atau ada pihak tertentu yang ingin memperolehi keuntungan luar biasa



BANYAK faktor yang mempengaruhi kenaikan harga barang antaranya kenaikan bahan mentah, lebihan permintaan daripada penawaran dan kenaikan kos pengangkutan.

KURANGKAN BERGANTUNG BAHAN MENTAH IMPORT

KENAL PASTI ALTERNATIF

dalam situasi semasa yang amat menekan rakyat Malaysia ketika ini.

"Situasi semasa semakin meruncing apabila berlaku kenaikan harga ayam dan telur yang memberikan tekanan kepada petani dan pengguna.

"Banyak faktor yang mempengaruhi kenaikan harga barang antaranya kenaikan bahan mentah, lebihan permintaan daripada penawaran dan kenaikan kos pengangkutan.

"Ini secara tidak langsung memberikan kesan kepada kenaikan harga barang dan perkara ini perlu

diberi perhatian agar dapat dielak daripada berlakunya krisis keselamatan makanan," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, disebabkan berlakunya kenaikan harga barang dan menjejaskan rakyat Malaysia khususnya keluarga dalam kategori B40 maka dicadangkan kerajaan menyediakan makanan percuma di sekolah rendah dan menengah kepada anak-anak keluarga B40 disebabkan kumpulan ini mempunyai wang tunai yang terhad.

Beliau berkata, berkeungkinan berlakunya ke-

naikan harga tambang bas berdasarkan kepada situasi semasa, maka kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memperkenalkan Bantuan Tambang Bas Sekolah kepada semua pelajar kumpulan B40.

"Ia adalah serampang dua mata iaitu membantu keluarga B40 yang mempunyai ramai tanggungan dan juga membantu pengusaha bas atau kenderaan sekolah untuk memperolehi pendapatan selepas berbulan-bulan tidak memperolehi pendapatan melalui tambang bas sekolah disebabkan oleh PKP," katanya.